

Syarikat asing perlu untuk pemindahan teknologi

U.M. 24 AUG 1993

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, syarikat-syarikat asing dari negara maju perlu untuk membantu mempercepatkan proses pemindahan teknologi ke negara tempat mereka melabur bagi manfaat bersama.

Langkah ini, kata Perdana Menteri, amat penting dilaksanakan kerana apabila sesebuah negara sedang membangun menjadi maju, negara pelabur boleh menjual lebih banyak barangan kepada negara berkenaan.

Menurut Dr. Mahathir, dalam usaha Malaysia menuju ke arah pembang-

unan perindustrian yang lebih pesat, kerajaan menyambut baik penubuhan industri berteknologi tinggi yang akan mendedahkan rakyat kepada kepakaran baru.

Sambil menggesa teknologi tinggi mereka segera dipindahkan kepada syarikat tempatan, beliau berkata: "Dalam dunia yang saling bergantung, membantu mempercepatkan kemajuan sesebuah negara akan membawa manfaat kepada semua yang terlibat."

Dr. Mahathir dalam ucapannya pada Majlis Penutup Perayaan 100 Tahun Esso di sini pagi ini menegaskan, pelabur-

pelabur asing adalah rakan pembangunan Malaysia yang turut menyumbang kepada pembangunan negara ini.

"Sungguhpun para pelabur asing melabur kerana ingin mendapatkan keuntungan, hakikatnya ialah melalui pelaburan tersebut mereka telah menyumbang kepada pembangunan negara.

"Apabila mereka berjaya dan membuat keuntungan, kerajaan juga mendapat faedah melalui hasil cukai," kata beliau.

Perdana Menteri memberikan contoh bagaimana syarikat Esso sejak 100 tahun lalu telah menyumbang bukan hanya

kepada industri petroleum dan gas tetapi juga pembangunan negara keseluruhannya.

Beliau berkata, sejak mula beroperasi pada tahun 1893 dengan menjual minyak tanah di Pulau Pinang, Esso telah melabur sebanyak RM16 bilion di negara ini, satu jumlah yang besar mengikut sebarang standard.

Dr. Mahathir memberitahu, pada hari ini banyak syarikat asing turut menyumbang kepada masyarakat setempat melalui program kemasyarakatannya dan menganggap itu sebahagian daripada tanggungjawab korporat mereka.